

HALAMAN KOTA



Apabila hujan berlarutan lebih dua jam sahaja, air tetap masuk melalui celahan lantai, jika hujan sepanjang hari, air tetap akan masuk sehingga ke paras lutut”

Syed Hashim Syed Ali,
Penduduk



Semua sampah ini mungkin menghalang air mengalir dengan baik, kadang-kadang kami terpaksa menunggu hingga lewat petang sebelum air surut sepenuhnya”

Syed Hidayat Syed Mahmud,
Penduduk



Halaman rumah saya sudah dipenuhi lumut malah haiwan berbisa seperti ular sering muncul di depan, mujur sehingga kini ahli keluarga saya masih terselamat daripada patukan ular”

Rosliza Abas,
Penduduk

Penduduk bosan 10 tahun berdepan banjir kilat

Masalah di Kampung Peremba berpunca perparitan tak sempurna

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnew@bh.com.my

Alor Setar

Kira-kira 200 penduduk di 30 buah rumah di Kampung Peremba, di sini bosan dengan masalah banjir kilat di situ yang berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu yang didakwa berpunca daripada keadaan perparitan yang tidak sempurna.

Mereka mendakwa terpaksa berdepan dengan banjir kilat sekurang-kurangnya lima kali setahun yang turut menyebabkan perkakas rumah dan perabot rosak.

Kampung itu seolah-olah 'tersepit' antara Terusan Wan Mat Saman di bahagian depan dengan dan Sungai Alor Peremba di bahagian belakangnya.

Penduduk menanggung kerugian akibat perabot dan peralatan rumah rosak selain perlu menghabiskan wang untuk mengubah suai meninggikan lantai rumah.

Seorang penduduk, Syed Hashim Syed Ali, 77, berkata dia terpaksa membelanjakan lebih RM12,000 untuk meninggikan lantai di hadapan rumah kerana kedudukan kediamannya yang kira-kira empat meter dari tali air.

Belanja RM12,000 tinggikan lantai rumah

“Saya terpaksa meninggikan lantai tetapi ia tidak memadai, apabila hujan berlarutan lebih dua jam sahaja, air tetap masuk melalui celahan lantai, jika hujan sepanjang hari, air tetap akan masuk sehingga ke paras lutut.

“Kejadian terakhir baru saja berlaku dua minggu lalu, tahun ini saja sudah enam kali rumah saya dinaiki air, tali air di depan rumah ini sudah terlalu cetek dan saya sangat berharap pihak berwajib dapat mendalamkan terusan ini dengan segera sebelum musim tengkujuh bulan depan,” katanya.

Bagi menantunya, Syed Hidayat Syed Mahmud, 36, dia dan adik beradik lain sering membantu membersihkan rumah bapa mentuanya.

Sampah dari pasar besar

Katanya, air yang memasuki rumah penduduk sukar surut disebabkan sungai di belakang rumah mereka dipenuhi sampah didakwa dibuang dari pasar besar berdekatan kampung terbabit.

“Semua sampah ini mungkin menghalang air mengalir dengan baik, kadang-kadang kami terpaksa menunggu hingga lewat petang



[FOTO NOORAZURA ABDUL RAHMAN/BH]

Syed Hidayat menunjukkan sampah di sungai Alor Peremba yang didakwa dihanyutkan dari pasar besar berdekatan Kampung Peremba.

sebelum air surut sepenuhnya,” katanya.

Ibu tunggal, Rosliza Abas, 45, berkata dia baru saja membuang tilam serta almari pakaian selepas rumahnya dinaiki air hingga ke paras pinggang.

Katanya, dia mengambil langkah berjaga-jaga tidak menurunkan peralatan elektrik di tempat rendah bagi mengelak ia rosak digenangi air.

“Saya akan susun bata bagi meninggikan kedudukan peti ais dan mesin basuh, namun jika air terlalu dalam saya tidak dapat selamatkan semua peralatan dalam rumah, begitu juga dengan pakaian, sudah banyak dibuang kerana ia terlalu busuk digenangi air kotor.

“Halaman rumah saya juga sudah dipenuhi lumut malah haiwan berbisa seperti ular sering muncul di depan, mujur sehingga kini ahli keluarga saya masih terselamat daripada patukan ular,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Baharuddin Abdullah, berkata pihaknya akan mengambil tindakan segera bagi mengurangkan masalah yang berlaku.

“Saya akan menghantar pegawai JPS untuk melakukan tinjauan



Punca sampah berkemungkinan besar daripada penduduk kampung sekitar seperti di Terusan Wan Mat Saman, namun pihak saya akan terus membuat pemantauan berterusan untuk mengesan laluan air dari pasar Peremba ke lokasi itu”

Mohd Saiful Anuar Zainal,
Ketua Pegawai Eksekutif Environment Idaman Sdn Bhd

dan mencari jalan penyelesaian yang sepatutnya. Sekiranya ia disebabkan sampah aliran air sungai itu tersekat, JPS akan mengorek dan membersihkan sungai terbabit,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Environment Idaman Sdn Bhd, Mohd Saiful Anuar Zainal pula berkata sisa di dalam Sungai Alor Peremba tidak signifikan dengan sisa dari pasar besar terbabit.

Katanya, saliran dari pasar Peremba tidak mengalir secara terus ke lokasi aduan serta jaraknya yang agak jauh iaitu kira-kira 400 meter.

“Punca sampah berkemungkinan besar daripada penduduk kampung sekitar seperti di Terusan Wan Mat Saman, namun pihak saya akan terus membuat pemantauan berterusan untuk mengesan laluan air dari pasar Peremba ke lokasi itu.

“Saya juga berharap penduduk tidak menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah sebaliknya menggunakan tong sampah yang disediakan, sekiranya memerlukan tong sampah tambahan, penduduk boleh memohonnya daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP),” katanya.